

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LAPORAN MINGGUAN PEMATUHAN SOP PKP 3.0 DI TAPAK PEMBINAAN, 11 Jun 2021

PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN

Sejak berkuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0, bermula 1 Jun 2021 sehingga 10 Jun 2021, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah membuat pemeriksaan terhadap **1088 tapak pembinaan** dan daripada jumlah itu didapati:

- **75** tapak pembinaan mematuhi SOP;
- **69** tapak pembinaan yang tidak patuh SOP telah diarahkan tutup; dan
- **944** tapak pembinaan tidak beroperasi.

PERINGATAN

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP 3.0** terkini yang boleh dimuat turun dari www.cidb.gov.my. CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor yang boleh dikenakan penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan/atau dikenakan penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/dikeluarkan mana-mana arahan yang wajar dari CIDB.

####